



NORSUHaida

Kempen GM Klang tawar pulangan berganda

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

KLANG – Pusat Borong, GM Klang melancarkan kempen “Datang Klang, Pasti Girang” yang sedang berlangsung sekarang sehingga 30 April ini bertujuan untuk merencanakan lagi sektor pelancongan tempatan khususnya di bandar Klang dan di Selangor

Pengurus Bahagian Komuni-

kasi Jenama GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, kempen yang dijayakan bersama Touch ‘n Go itu turut mendapat sokongan daripada Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang akan menawarkan pulangan menarik kepada pengunjung.

“Melalui kempen ini, kami menawarkan kegirangan berganda iaitu tawaran pulangan

tunai bernilai RM10 apabila pengunjung membuat pembelian lebih dari RM100 menggunakan aplikasi Touch ‘n Go e-wallet di mana-mana kedai GM Klang yang mengambil bahagian.

“Tawaran kedua pula adalah pengunjung boleh mendapatkan baucar makanan dan minuman GM Klang bernilai RM10 sekiranya mereka telah menginap di

hotel atau melancong di tempat-tempat pelancongan terpilih sekitar Selangor,” katanya dalam kenyataan.

Tambah beliau, dengan pembukaan sempadan negara pada 1 April ini, pihaknya yakin prestasi pelancongan di sini akan lebih baik dengan pertambahan kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara.